

Buletin Fakta

Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia serta perkongsian mengenai aktiviti kajian dan program yang dianjurkan

Menarik Edisi Ini

RTD ASEAN : Youth Mental Health 2025

YOURS'25

(Empowering Youth for Sustainable Future: Shaping a Resilient and Responsible Generation)

Sarawak International Conference on Youth Mental Health

Technology Training Lab (TEGLAB)

Tingkah Laku Keterlibatan Belia dalam Penyalahgunaan Dadah/ Bahan

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Tel : 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel : info@iyres.gov.my

Laman sesawang : www.iyres.gov.my

ROUND TABLE DISCUSSION: ASEAN YOUTH MENTAL HEALTH 2025

OLEH: NUR DIYANA NADIRAH & AINUL AIYANI AZMAN



Seramai 147 peserta belia dan pakar kesihatan mental dari negara-negara ASEAN dan Timor Leste telah menghadiri Persidangan Meja Bulat: Kesihatan Mental Belia ASEAN 2025 yang berlangsung selama dua hari di Kota Kinabalu. Persidangan ini merupakan platform penting dalam membincangkan cabaran kesihatan mental belia di rantau ASEAN melalui jaringan kerjasama serantau, pertukaran amalan terbaik dan menggalakkan advokasi yang inklusif bagi meningkatkan literasi serta memperbaiki akses kepada penjagaan kesihatan mental.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dalam konteks Malaysia, beliau berkata forum itu amat penting memandangkan hasil Kajian Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) menunjukkan kesihatan mental belia berumur antara 15 hingga 30 tahun berada pada tahap Sederhana.


Persidangan ini dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama UNICEF Malaysia dan Pusat Komunikasi untuk Pembangunan (C4D), Universiti Putra Malaysia (UPM). Persidangan ini telah menghasilkan Resolusi ASEAN mengenai Pengukuhan Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Belia.

ISSN 2180-4044

Perbincangan Meja Bulat : Suara Belia, Akses Penjagaan & Resolusi Serantau

Forum bertemakan "ASEAN Youth Voice: Empowering Minds, Ensuring Well-being" ini memberi tumpuan kepada kerjasama serantau dalam menangani cabaran kesihatan mental belia melalui pertukaran pengetahuan, amalan terbaik dan advokasi inklusif.

Sepanjang dua hari penganjuran, forum ini mengadakan tiga sesi dialog dan satu sesi interaktif, yang menyentuh topik-topik dalam isu kesihatan mental.



Antara perkara penting yang diketengahkan ialah:

- **Keperluan latihan berstruktur untuk pendidik dan kaunselor komuniti;**
- **Penyediaan platform digital yang selamat dan inklusif;**
- **Pembangunan pusat rujukan kesihatan mental serantau; serta**
- **Penglibatan suara belia dalam reka bentuk dasar.**



Satu resolusi kolektif ASEAN-Timor Leste telah dibentuk sebagai komitmen bersama untuk memperkukuh ekosistem kesihatan mental belia di seluruh rantau ini. Resolusi tersebut telah dibentangkan oleh Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan 1, IYRES sebagai simbolik komitmen berterusan ke arah masa depan yang lebih sejahtera bagi golongan muda serantau

Krisis Identiti Belia dan Peranan Pelbagai Sektor



YB Hannah Yeoh dalam kenyataannya memberi penekanan bahawa krisis identiti dan kebimbangan terhadap masa depan merupakan antara penyumbang utama kepada isu kesihatan mental dalam kalangan belia. Kajian Indeks Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) menunjukkan tahap kesihatan mental belia berumur 15 hingga 30 tahun masih berada pada tahap Sederhana.

Menurut beliau, kerajaan tidak boleh menangani isu ini secara bersendirian. Pendekatan kolektif yang melibatkan semua pihak seperti pakar perubatan, golongan belia, pemimpin agama, NGO dan agensi berkaitan amat diperlukan. Isu ini turut melibatkan belia yang tidak mempunyai kerakyatan di Sabah, yang sering menghadapi tekanan identiti akibat kekangan dokumentasi sah.

YB Hannah turut menyatakan bahawa Kementerian bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk membendung penyalahgunaan dadah sebagai cara menangani tekanan mental. Beliau menyeru agar masyarakat memberi sokongan, bukan hukuman, dan menyediakan ruang selamat bagi belia mendapatkan bantuan.

“Kerajaan tidak boleh berseorangan dalam usaha ini. Kita perlukan semua pihak – perubatan, belia, agama, masyarakat – duduk semeja demi masa depan anak muda.”

— **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan**

“Tekanan yang dialami belia datang daripada pelbagai arah. Oleh itu, kita perlu dekati mereka untuk benar-benar fahami punca dan bantu.”


— **Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan 1, IYRES**

Data, Literasi Mental dan Komitmen Serantau


Menurut Shahhanim Yahya, belia hari ini semakin terbuka dalam meluahkan tekanan dan emosi melalui media sosial, namun ramai yang masih bergelut dalam mencari jati diri. Skop tekanan sangat luas – ada yang berpunca dari dalam diri dan tidak kurang juga yang dipengaruhi oleh ekosistem di sekeliling mereka.

Kajian IYRES mendapati bahawa komuniti Orang Asli mencatatkan skor kemurungan paling rendah, dipercayai kerana mereka lebih dekat dengan alam semula jadi dan aktiviti santai. Bagi dapatan mengikut etnik, Bumiputera Sarawak pula mencatatkan skor tertinggi dan Bumiputera Sabah mencatatkan kedudukan keempat berbanding enam etnik utama di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam memperkukuh sokongan mental belia.

Forum ini menegaskan pentingnya usaha memperkasa literasi kesihatan mental, meningkatkan akses kepada rawatan, dan memperkukuh jaringan sokongan masyarakat. Ini juga selaras dengan pelaksanaan MyMHI'23 sebagai indeks penanda aras bagi memahami realiti dan keperluan kesihatan mental generasi belia hari ini.



SKOR INDEKS KESIHATAN MENTAL BELIA MALAYSIA 2023



International Conference for Youth 2025 (YOURS'25)

Theme : *Empowering Youth for Sustainable Future: Shaping a Resilient and Responsible Generation*

OLEH: Shah Romnizam Ramli



International Conference for Youth 2025 (YOURS'25) anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan serta Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama strategik oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah dan Sabah Convention Bureau telah berlangsung di Ming Garden Hotel & Residences, Sabah pada 1 Julai 2025.

Bertemakan “*Empowering Youth for Sustainable Future: Shaping a Resilient and Responsible Generation*”, persidangan ini menghimpunkan penggubal dasar, penyelidik, pengamal dan NGO dari dalam dan luar negara sebagai platform percambahan ilmu serta pemangkin kepada pelaksanaan dasar dan polisi pembangunan belia berasaskan bukti empirikal.

Dirasmikan oleh YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YOURS'25 memberi penekanan kepada keperluan pendekatan baharu dalam menangani cabaran kompleks generasi belia masa kini. Turut hadir, YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu, Ketua Setiausaha KBS.



Persidangan selama dua hari ini menampilkan empat forum utama melibatkan 15 pakar tempatan dan antarabangsa serta dipandu oleh 4 orang moderator yang membincangkan sub-tema berkaitan isu sosial, ekonomi, sosialisasi politik dan celik digital dalam kalangan generasi belia.

Rumusan YOURS'25 telah disampaikan oleh Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan IYRES manakala Ucapan Penutupan YOURS'25 telah disampaikan oleh YB Datuk Ellron Alfred Angin, Menteri Belia dan Sukan Sabah.

SARAWAK INTERNATIONAL CONFERENCE ON YOUTH MENTAL HEALTH

OLEH: SHAH ROMNIZAM RAMLI

Sarawak International Conference on Youth Mental Health telah dilaksanakan dengan jayanya di Renyai Ballroom, The Waterfront Hotel, Kuching, Sarawak. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak & Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak.

Majlis turut menyaksikan pembentangan *Overview of Sarawak International Conference on Youth Mental Health*, iaitu rumusan komprehensif hasil perbincangan sepanjang dua hari persidangan. Pembentangan tersebut telah disampaikan oleh Encik Morshidi Fredrick, Setiausaha Tetap Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED).


Persidangan yang berlangsung dari 28 hingga 29 Julai 2025 ini telah menghimpunkan seramai 300 orang peserta dari pelbagai latar belakang. Sepanjang program, empat sesi forum telah dianjurkan merangkumi topik berkaitan Polisi, Gaya Hidup, Alam Sekitar, serta Digital dan Teknologi melibatkan penglibatan tiga orang moderator dan 12 orang panel jemputan dari dalam serta luar negara.

Selain itu, tiga sesi perkongsian kisah kejayaan turut disampaikan kepada peserta program dalam menangani isu kesihatan mental dalam kalangan belia iaitu Cik Fatiha Shuib daripada SAPOT, Encik Nazwan Taufik daripada Yayasan Dee Hati dan Puan Anita Abu Bakar daripada MIASA Malaysia.



IYRES MENERUSKAN PENGANJURAN TEGLAB SIRI 1/2025: KURSUS VISUALISASI POWER BI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENGURUSAN DATA YANG EFEKTIF

OLEH: MOHD RIZAL MOHD SHAM



Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) terus melangkah proaktif dalam meningkatkan literasi data dalam kalangan penjawat awam menerusi penganjuran TEGLAB Siri 1/2025: Kursus Visualisasi Power BI (Beginner) yang telah berjaya dilaksanakan selama dua (2) hari bertempat di Park Inn by Radisson Putrajaya pada 6-7 Mei 2025.

Kursus ini dikendalikan oleh Encik Fikri Radhi, seorang penganalisis data dan jurulatih bertauliah *Human Resource Development Corporation* (HRDC) daripada MyAnalytica Solution.

Seramai 30 peserta yang terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi serta wakil kerajaan negeri telah menyertai program ini. Kursus ini dilaksanakan untuk memberikan latihan, pembelajaran, serta perkongsian kepakaran dalam proses visualisasi data menggunakan Power BI.

Antara pengisian utama kursus termasuklah pengenalan kepada Power BI, teknik penyambungan data (*Data Connection*) daripada pelbagai sumber, proses transformasi data dan *Data Query*, serta pembangunan dashboard interaktif menggunakan pelbagai elemen visualisasi di dalam Power BI.

Pendekatan latihan berasaskan amali ini memberi peluang kepada peserta untuk meneroka potensi sebenar perisian Power BI dalam menguruskan maklumat secara lebih efisien, tepat dan berimpak tinggi.

Program TEGLAB tahun ini merupakan pelaksanaan kali ketiga sejak ianya diperkenalkan tahun 2023. Inisiatif TEGLAB merupakan salah satu teras utama dalam usaha IYRES memperkukuh budaya pengurusan data berasaskan fakta dan analitik. Sepanjang pelaksanaannya, TEGLAB telah berfungsi sebagai platform latihan dan pendidikan yang memfokuskan kepada pemerksaan kemahiran digital kritikal, khususnya dalam pengaplikasian data dan analitik. Inisiatif ini secara langsung menyokong agenda pendigitalan negara dengan melahirkan bakat berdaya saing dalam ekosistem data raya di peringkat kementerian.



Penganjuran kursus ini membuktikan komitmen IYRES dalam menyokong inisiatif pendigitalan sektor awam dan memperkukuh kebolehan sumber manusia negara ke arah sistem pengurusan data yang lebih cekap, inklusif dan bernilai tambah.




Level up your skill | Lead with insight | Empower with data

Hasil dapatan: Kajian Tingkah Laku Keterlibatan Belia dalam Penyalahgunaan Dadah/ Bahan (Substance) di Kawasan Berisiko Tinggi Terpilih

"Pengaruh atau Pilihan? Mengapa Belia Terjerumus dalam Dadah?"

OLEH: NUR SYUHADA MOKHZAN & MASTURA MOHAMAD




Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025

Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia semakin menjadi isu yang meruncing dan menuntut perhatian serius daripada semua pihak. Meskipun pelbagai kempen kesedaran telah dijalankan, angka menunjukkan bahawa golongan muda terus menjadi antara kelompok paling berisiko terdedah dengan gejala negatif ini. Persoalannya, apakah punca utama yang mendorong mereka terjerumus ke kancap gelap ini? Berdasarkan data yang diperolehi, keinginan untuk mencuba mencatat peratusan tertinggi iaitu 30.1%, diikuti oleh tekanan hidup atau stres (20.9%) serta pengaruh rakan sebaya (18.9%).

Faktor lain termasuk keinginan untuk merasai keseronokan (9.6%), desakan untuk melaksanakan tugas atau kerja (9.2%), dan pelbagai sebab peribadi yang lain. Ada juga yang mendakwa mencari ketenangan, terpengaruh secara tidak langsung, atau lebih malang lagi, dianiaya oleh rakan sendiri. Situasi ini menimbulkan persoalan penting – adakah belia hari ini benar-benar membuat pilihan dengan sedar, atau sekadar mengikut arus pengaruh? Dalam menelusuri isu ini, penting untuk kita memahami akar sebenar yang mendorong mereka, agar penyelesaian yang lebih berkesan dapat dirangka.

Hasil dapatan: kajian Tingkah Laku Keterlibatan Belia dalam Penyalahgunaan Dadah/ Bahan (Substance) di Kawasan Berisiko Tinggi Terpilih

PERATUSAN PENGLIBATAN AWAL BELIA DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH/ BAHAN (SUBSTANCE)



Kajian mengenai penglibatan awal belia dalam penyalahgunaan bahan seperti rokok, vape, dan dadah/ bahan menimbulkan persoalan yang lebih mendalam mengenai tajuk "Pengaruh atau Pilihan? Mengapa Belia Terjerumus dalam Dadah?" Hasil kajian menunjukkan jelas bahawa faktor pengaruh sosial memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk tingkah laku belia.

Misalnya, dalam kes merokok, 61.8% belia mengaku terlibat secara sukarela, namun 34.9% lagi terpengaruh dengan persekitaran mereka, menunjukkan bahawa keputusan mereka tidak sepenuhnya bersifat autonomi. Begitu juga dalam penggunaan vape, lebih daripada separuh belia terlibat atas dasar sukarela (51.4%), tetapi hampir 19% pula terpengaruh dengan rakan-rakan mereka.



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025

Ini membuktikan bahawa dalam banyak kes, pengaruh rakan sebaya merupakan pemangkin utama yang mendorong belia untuk mencuba bahan-bahan berbahaya, meskipun mereka tahu risiko yang terlibat. Dalam konteks dadah, fenomena ini lebih ketara. Walaupun hanya 36.5% belia yang mengaku terlibat secara sukarela, majoriti (57.8%) melakukannya kerana pengaruh rakan.

Angka ini mengundang persoalan sama ada mereka benar-benar membuat pilihan bebas atau sekadar terikut dengan arus sosial yang tidak sihat. Keadaan ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa pengaruh, bukannya pilihan, menjadi faktor utama yang menyebabkan belia terjerumus dalam penggunaan bahan berbahaya. Kesimpulannya, walaupun faktor pilihan ada, inamun lebih dipengaruhi oleh faktor luaran, seperti tekanan sosial dan rakan sebaya. Oleh itu, untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia, usaha yang lebih serius perlu dilakukan bagi menangani pengaruh negatif ini, selain meningkatkan kesedaran tentang bahaya dan risiko yang dihadapi.

Namun, tanpa sokongan sosial, pendidikan yang berkesan dan ruang untuk menyuarakan tekanan yang dihadapi, mereka mudah terjebak dalam kancan yang merosakkan. Maka, usaha pencegahan perlu dimulakan sejak peringkat awal dan program intervensi yang lebih bersifat empati, sokongan komuniti yang aktif dan pemerksaan belia melalui aktiviti sihat serta berfaedah mampu menjadi benteng kukuh dalam mendepani cabaran ini. Kita harus bersatu dan bertindak segera demi menyelamatkan seorang belia hari ini, bermakna menyelamatkan masa depan sebuah negara esok hari

“ Kita perlu mengubah pendekatan pencegahan supaya generasi muda menolak dadah dengan keyakinan yang sama seperti mereka menolak perkara haram lain”

Raja Azizan Suhaimi, Setiausaha Agung Majlis Penyalahgunaan Dadah Malaysia (MASAC)

Simptom Apabila Mengambil/ Menggunakan Bahan

Berat badan menurun dan meningkat tiba-tiba
64.3%



Selera makan atau corak tidur berubah
63.5%

Penampilan dan penjagaan diri tidak terurus
62.3%



Percakapan tidak lancar dan koordinasi badan tidak stabil
59.5%

Mata akan berwarna merah atau anak mata mengecil
54.6%



Pernafasan, badan atau pakaian berbau
49.6%

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Puan Shahhanim Yahya

Editor / Pereka Grafik

Puan Nur Syuhada Mokhzan

Puan Asnida Abd Hamid

Penulis

Puan Nur Syuhada Mokhzan

Mohd Rizal Mohd Sham

Encik Shah Romnizam Ramli

Puan Mastura Mohamad

Puan Nur Diyana Nadhirah

Puan Ainul Alyani Azman

Profil IYRES

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan merupakan pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa (Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2001 (Akta 668))

